

# Video *Origami* harumkan nama USIM

SEREMBAN 18 Mac - Meskipun tidak mengikuti pengajian dalam seni persembahan atau perfileman, namun ia tidak menjadi penghalang bagi sekumpulan penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk menyertai pertandingan menghasilkan video berhubung penyakit Disleksia, di Melaka baru-baru ini.

Lebih membanggakan, video pendek berdurasi 3.04 minit yang berjudul *Origami* terbitan kumpulan itu telah terpilih untuk menduduki tempat ketiga pertandingan anjuran Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Dyslexia Malaysia.

Pertandingan itu terbuka kepada semua penuntut institusi pengajian tinggi di Malaysia dengan tujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai Disleksia.

Disleksia bukannya satu penyakit, tetapi merupakan salah satu gangguan dalam pembelajaran yang biasanya dialami oleh kanak-kanak. Lazimnya, masalah pembelajaran yang dihadapi adalah sep-



**KUMPULAN** penuntut USIM yang mendapat tempat ketiga pada pertandingan menghasilkan video berhubung penyakit Disleksia di Melaka, baru-baru ini.

erti membaca, menulis, mengeja, dan kemahiran mengira walaupun mempunyai daya pemikiran yang normal.

Skrip dan olahan jalan cerita yang menarik telah menjadikan video *Origami* terpilih sebagai lima

finalis untuk mara ke peringkat akhir.

Penilaian dan pemenang dibuat berdasarkan pilihan penonton secara *online* di laman YouTube melalui jumlah 'Like' yang diperolehi bagi setiap video yang

dipertandingkan sebelum finalis diminta membentangkan hasil kerja mereka di hadapan para juri profesional.

Menurut salah seorang ahli kumpulan Fairus Abdul Manaf, kejayaan itu dianggap sebagai satu

bonus kepada-nya dan seluruh ahli kumpulan yang lain.

"Ini kerana *Origami* adalah satu-satunya video yang bukan dari UTeM berjaya tersenarai sebagai finalis.

"Syukur alhamdulillah, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah menyokong kami serta para penonton yang telah sudi menonton dan 'Like' video *Origami* di YouTube," katanya di sini baru-baru ini.

Kumpulan tersebut turut dianggotai oleh Maisarah Mohamad, Jasmi Mohd Zain, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, Ahmad Hafiz Mislachuddin, Muhamad Safuan Mohd Fadzil, Muhammad Aiman Mohd Nasaruddin dan Zainal Hakim Zakaria.

Sebelum ini, kumpulan terbabit juga berjaya merangkul Anugerah Video/Filem Paling Popular menerusi penerbitan filem pendek berjudul *Dompot* dalam Majlis Anugerah Festival Filem dan Video Pelajar Malaysia (FFVPM) anjuran Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) pada hujung tahun lalu.